

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)26

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

26. Berapakah ekar tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) yang telah digunakan sebagai kolam ternakan ikan / udang di kawasan Kuala Juru?
- (a) Bagaimanakah pelaksanaan kawalan untuk memelihara kepentingan alam sekitar di kawasan berkenaan?
 - (b) Apakah kaedah yang digunakan sebelum pelepasan hasil tercemar ke dalam ban-ban *borrow pit*, sungai kecil dan laut?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Keluasan tanah yang telah digunakan sebagai kolam ternakan ikan atau udang di kawasan Kuala Juru milik Perbadanan Pembangunan (PDC) Pulau Pinang adalah seluas 99.659 ekar manakala tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang pula adalah seluas 58.74 ekar.
- (a) Pelaksanaan kawalan untuk memelihara kepentingan alam sekitar adalah dengan memastikan pengurusan sisa air kolam mengikut Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) yang mana air sisa dimasukkan ke dalam kolam rawatan sebelum

dilepaskan ke sungai atau laut. Agensi teknikal seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bekerjasama untuk penguatkuasaan dan pemantauan melalui pemeriksaan berkala.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selaku Agensi sokongan juga membantu untuk memelihara kepentingan alam sekitar di kawasan tersebut dengan cara:

- (a) Menjalankan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan ladang penternakan secara rutin dan berdasarkan aduan;
- (b) Pengeluaran notis, kompaun dan tindakan mahkamah dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 serta Undang-Undang Kecil yang berkaitan jika berlaku sebarang ketidakpatuhan; dan
- (c) Pendidikan dan kesedaran kepada penternak akuakultur mengenai amalan lestari dan pengurusan alam sekitar yang baik. Hal ini penting supaya penternak memahami kesan kepada alam sekitar dan peka bagaimana untuk mengawal implikasi terhadap alam sekitar.

(d) Kaedah yang digunakan sebelum pelepasan hasil tercemar ke dalam ban-ban *borrow pit*, sungai kecil dan laut adalah seperti berikut:

(i) Pengurusan sisa air kolam akan dipastikan mengikut Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) yang mana air sisa dimasukkan ke dalam kolam rawatan sebelum dilepaskan ke sungai atau laut;

(ii) Keperluan kolam kumbahan khusus kepada setiap penternakan akuakultur. Kolam kumbahan ini di perlukan bagi proses sedimentasi (pemendapan), iaitu satu proses di mana zarah-zarah pepejal yang lebih berat akan tenggelam ke dasar takungan (dasar kolam), sementara air yang lebih jernih akan berada di atasnya dan boleh dilepaskan ke parit awam;

(iii) Kaedah penghuraian kimia (*chemical oxidation*). Penggunaan bahan kimia seperti klorin, ozon, untuk

memecahkan bahan pencemar seperti patogen atau bahan organik; dan

- (iv) Penternak juga perlu melihat penyesuaian waktu ketika melepaskan aliran *effluent*. Jumlah *effluent* yang hendak dilepaskan perlu dikawal mengikut kapasiti yang selamat untuk mengelakkan bebanan yang berlebihan pada hidupan akuatik di dalam parit atau sungai.